

31 JUL 2000

Fadzil-Tanggungjawab

KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB SEMUA, KATA FADZIL

KOTA BAHARU, 31 Julai (Bernama) -- Soal keamanan dan keselamatan negara tidak sepatutnya menjadi tanggungjawab parti pemerintah sahaja, sebaliknya ia harus dipikul semua rakyat dan parti politik di negara ini, kata Presiden PAS Datuk Fadzil Noor.

Katanya sebagai parti politik yang bertanggungjawab, PAS juga turut bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan negara.

"Kita kalah berkali-kali dalam pilihan raya, (tapi) tak pernah hendak buat huru-hara atau mengubah pendekatan," katanya ketika berceramah di sini, malam tadi.

Fadzil yang juga ketua pembangkang di Parlimen mengemukakan tiga permintaan kepada kerajaan berhubung kes rompakan senjata api di Gerik, Perak baru-baru ini dalam soal keamanan dan keselamatan.

Katanya sebuah Suruhanjaya Diraja perlu ditubuhkan bagi membuat siasatan secara bebas berhubung insiden itu.

Beliau juga meminta polis dan tentera memberikan taklimat kepada semua anggota Parlimen kerajaan dan pembangkang mengenai insiden itu.

Menurut Fadzil apabila kes Memali berlaku di Baling, beliau yang ketika itu menjadi anggota dewan undangan negeri Kedah, turut diundang mendengar taklimat yang disampaikan polis Kedah bersama penyokong kerajaan.

Selain daripada itu beliau juga mahu perbincangan diadakan di kalangan semua pemimpin parti politik termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

Ketiga-tiga permintaan itu diharap akan dapat menegakkan keadilan dan tiada usaha mengaitkan PAS dengan insiden itu, katanya.

-- BERNAMA

SM RON